



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN**
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

04 APRIL 2017

**KENYATAAN MEDIA YB DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN, PENGERUSI JAWATANKUASA KIRA-KIRA
WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN TERHADAP PEMBENTANGAN LAPORAN PAC PARLIMEN
BERHUBUNG PELAKSANAAN SISTEM IMIGRESEN MALAYSIA (MYIMMS) DI BAWAH
KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN) DAN JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA (JIM).**

- 1) PAC Parlimen hari ini, membentangkan Laporan PAC berhubung Pelaksanaan Sistem Imigresen Malaysia (myIMMs) di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).
- 2) Isu ini dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2015 Siri 1 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 18 Mei 2016.
- 3) PAC Parlimen memanggil prosiding terhadap isu ini, pada 6 September 2016 dan Dato' Sri Alwi Ibrahim, Ketua Setiausaha KDN dan Dato' Sri Mustafar Ali, Ketua Pengarah JIM hadir di hadapan Jawatankuasa ini bagi memberikan penjelasan terhadap isu-isu yang dibangkitkan dalam LKAN berhubung Pelaksanaan Sistem myIMMs.
- 4) Dalam prosiding berkenaan, PAC Parlimen membangkitkan isu-isu seperti berikut:
 - a. Pembayaran Tanpa Dokumen Sokongan Lengkap
 - b. Kemudahan Biometrik
 - c. Ujian Penerimaan Pengguna (UAT).
 - d. Ujian Penerimaan Sementara
 - e. Ujian Pemulihan Bencana
 - f. Perkhidmatan Pelan Pemulihan Bencana
 - g. Integriti Data
 - h. Pemeriksaan Kesihatan Pekerja Asing

- i. Pengurusan Pengambilan Pekerja Asing
- j. Keselamatan Sistem myIMMs
- k. *Back-up Service*
- l. Cadangan Peralihan Sistem MyIMMs Ke Sistem Baru.

5) Berikutan itu, PAC Parliment membuat rumusan bahawa:

Secara keseluruhannya PAC berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan oleh KDN dan JIM. Bagaimanapun, PAC Parliment menyeru supaya KDN dan JIM supaya dapat membangunkan dan mengintegrasikan sistem yang lebih bersepada demi kepentingan negara dan rakyat.

6) Berdasarkan rumusan berkenaan, PAC Parliment mengesyorkan kepada Kerajaan supaya:

- a. Pihak Kementerian dan JIM perlu memberi perhatian terhadap aspek keselamatan sistem myIMMs.
- b. Adalah wajar supaya kaedah perolehan kontrak diperhalusi dengan lebih mendalam supaya kontraktor yang dilantik mempunyai kesungguhan dan berupaya menjalankan kerja-kerja kontrak.
- c. Pihak Kementerian perlu menjalankan kerja pemantauan yang lebih terperinci supaya projek berkenaan dapat disiapkan secepat mungkin. Denda lewat haruslah dikenakan kepada Kontraktor mengikut syarat-syarat kontrak.
- d. Pihak Kementerian dan JIM juga adalah dipohon supaya menjalankan satu program transformasi secara menyeluruh terhadap sistem operasi dan pengurusan KDN supaya tahap perkhidmatan dan tadbir urus dapat dipertingkatkan.
- e. Merujuk kepada perkara 5.2 keterangan oleh KSU KDN yang memaklumkan *task force* ditubuhkan oleh pihak Kementerian dan PAC ingin mendapatkan laporan berkenaan.
- f. PAC mahu pihak KDN mengesan semua peralatan Biometrik dengan segera serta digunakan sepenuhnya.
- g. PAC mahu KDN membuat laporan polis sekiranya gagal mengesan peralatan biometrik serta menjalankan siasatan dengan terperinci dan sekaligus mengambil tindakan tegas terhadap pihak-pihak yang bertanggungjawab atas kehilangan.

- 7) Orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti Laporan PAC Parlimen berhubung Pelaksanaan Sistem Imigresen Malaysia (myIMMs) di bawah KDN dan JIM boleh memuat turun (*download*) laporan berkenaan di laman web PAC di alamat www.parlimen.gov.my/pac.

Yang Berhormat Dato' Sri Hasan Arifin
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara
Parlimen Malaysia